



اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel: 05-450 6000 Fax: 05-459 5488
Laman Web: www.upsi.edu.my
Email: admin@upsi.edu.my



Jabatan Pendaftar

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/220/3.1
Tarikh : 20 Ogos 2002M
|| Jamadilakhir 1423H

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 9 TAHUN 2002

Dekan
Fakulti Bahasa

Dekan
Fakulti Sains Sosial dan Kesenian

Dekan
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi

Pengarah
Pusat Pengajian Siswazah

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 9 TAHUN 2002
- Cuti Gantian Kerana Bertugas Pada Hari Sabtu Minggu Pertama dan Ketiga
Kepada Pensyarah-Pensyarah Yang Terlibat Mengajar di Pusat Pengajian Siswazah**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Universiti Bil. 21/2002 yang bersidang pada 7 Ogos 2002 telah bersetuju memberi Cuti Gantian kepada Pensyarah-Pensyarah yang terlibat mengajar di Pusat Pengajian Siswazah pada hari Sabtu Minggu Pertama dan Ketiga.

3. Syarat-syarat mengenai kelayakan Cuti Gantian adalah seperti berikut :

- 3.1. Cuti yang layak diambil adalah sebanyak 1 hari setiap kali tugas yang dilaksanakan pada hari-hari yang dinyatakan seperti di atas.
- 3.2. Cuti Gantian tidak boleh dibawa ke tahun hadapan jika cuti tersebut tidak dapat dihabiskan pada tahun semasa.
- 3.3. Permohonan bagi mengambil Cuti Gantian hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menggunakan borang Cuti Gantian yang sedia ada.

muka surat 2
UPSI/PEND/220/3.1

4. Penggunaan Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Tuan agar dapat menyebarkan perkara ini untuk pengetahuan Pensyarah-Pensyarah Fakulti Y. Bhg. Dato'/Tuan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



(RUSLEY BIN TAIB)
Pendaftar

s.k.: Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik)
Timbalan Pendaftar (Sumber Manusia)
Semua Penolong-Penolong Pendaftar
Fail Timbul